



UPM Cipta Penyembuh Luka Pantas dari Ekstrak Tumbuhan



Prof Dr. Suhaila Mohamed menunjukkan produk Healex kepada wartawan yang hadir semasa majlis Promosi Hasil Penyelidikan UPM.

SERDANG, 17 DIS – Seorang penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya mencipta makanan dan sapsu ekstrak daun kelapa sawit, rumput laut dan daun keledek yang boleh menyembuhkan luka dengan pantas.

Penyelidik tersebut, Prof Dr. Suhaila Mohamed berkata produk yang diberi nama Healex itu boleh meningkatkan pemulihan luka atau kecederaan tisu dan organ dalaman lebih cepat.

"Healex mempercepatkan proses pemulihan terutama kepada individu yang mengalami kadar penyembuhan yang lambat seperti pesakit kencing manis.

"Produk ini boleh ditelan dalam bentuk kapsul atau disapu di bahagian yang luka dan tidak mempunyai toksik seperti produk lain yang menggunakan bahan kimia," katanya semasa majlis promosi penyelidikan UPM di sini.

Beliau berkata produk itu juga membantu tekanan darah tinggi, kolestrol, penyakit kardiovaskular dan kanser.

Dr. Suhaila yang juga Profesor Kanan Fakulti Sains dan Teknologi Makanan berkata kajian ke atas ticus menunjukkan Healex meningkatkan pemulihan pada tahap 30 peratus untuk pelbagai jenis luka yang dalam atau lebar.

Katanya kajian menunjukkan pemulihan luka sebanyak dua cm pada haiwan berlaku pada hari ke 15 berbanding dengan luka yang tidak disapu dengan produk tersebut.

"Bahagian luka yang disapu dengan produk itu akan mengalami kadar pengecutan, kematangan dan granulasi tisu lebih pantas bagi tujuan penyembuhan luka.

Dr. Suhaila turut membentangkan penyelidikannya yang kedua iaitu Addex, bahan anti penyerap minyak yang pertama di dunia dapat mengurangkan 30 peratus penyerapan minyak dalam makanan bergoreng.

Katanya produk itu terdiri daripada formulasi khas biophenol daripada ekstrak tumbuhan-tumbuhan.

"Addex bersifat anti oksida lemak semula jadi sehingga 85 peratus terhadap makanan, menghalang tekanan darah tinggi, antialah, antikejang otot, anti kuman, anticolesterol, anti Bengkak, anti kanser selain meningkatkan keranggupan dan rasa makanan tersebut.

"Penggunaan produk ini mengurangkan masalah kegemukan, kolesterol tinggi, kanser, tekanan darah tinggi dan penuaan yang disebabkan pengambilan lemak berlebihan," katanya.

Pada majlis tersebut, Prof. Madya Dr. Ishak Aris dari Fakulti Kejuruteraan memperkenalkan penyelidikan Sistem Imbasan Optikal Berbilang Pancaran yang menggunakan sistem laser bagi kegunaan dalam bidang perubatan terutama bagi rawatan kulit.

"Produk ini berupaya mengawal sistem kepala pengimbasnya dengan lebih anjal dan cekap," katanya yang menganggarkan produknya berharga separuh lebih murah daripada produk import.



Prof. Madya Dr. Ishak Aris menunjukkan demonstrasi penggunaan Sistem Imbasan Optikal berbilang Pancaran kepada wartawan dan penonton lain.

Disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.